

LITERASI PENULISAN BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN PELAJAR LUAR BANDAR: IMPLIKASI TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

*Siti Hamin Stapa, Nadzrah Abu Bakar & Rozmel Abdul Latiff
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor*

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk melihat tahap literasi penulisan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar di luar bandar di Malaysia. Satu kajian telah dijalankan di tiga buah sekolah menengah di daerah Kulai, Johor. Untuk mengumpul data, satu ujian penulisan telah diberikan kepada pelajar Tingkatan Dua di ketiga-tiga buah sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pencapaian pelajar di dalam penulisan bahasa Inggeris adalah dari tahap sederhana hingga kepada lemah. Makalah ini diakhiri dengan perbincangan implikasi hasil kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran penulisan bahasa Inggeris khususnya di luar bandar.

Kata kunci: literasi, literasi bahasa Inggeris, pelajar luar bandar, pengajaran dan penulisan bahasa Inggeris

Abstract

The objective of this article is to investigate the level of written literacy in English among students in the rural area in Malaysia. This article is based on a research conducted at three secondary schools in the district of Kulai, Johor. For the purpose of data collection, a writing test was administered to Form Two students at the three secondary schools. The research findings reveal that the level of written literacy among these students ranges from weak to satisfactory. This article closes with a discussion on the implications of these research findings on the teaching and learning of writing in English especially in the rural area.

Keywords: literacy, English written literacy, rural area students, teaching and learning of written English.

PENGENALAN

Tidak dapat dinafikan peranan pendidikan sebagai penyumbang paling dominan dalam meningkatkan tahap literasi dalam kalangan penduduk. Tahap literasi atau celik huruf yang tinggi di sesebuah negara mencerminkan keberkesanan sistem pendidikan negara tersebut. Kadar buta huruf yang tinggi dalam kalangan penduduk kerap dikaitkan dengan

masalah sosial seperti kemiskinan dan kemunduran justeru peningkatan kualiti literasi di kalangan rakyat sesebuah negara akan mencorakkan pembangunan insan yang sekaligus menyumbang kepada kemajuan ekonomi, sosial dan politik di negara tersebut.

Malaysia sejak awal merdeka lagi telah berusaha untuk membasmi kadar buta huruf dalam kalangan rakyat dengan melancarkan pelbagai usaha meliputi program-program pendidikan formal dan tidak formal mencakupi peringkat kanak-kanak hinggalah ke peringkat dewasa. Hal ini selaras dengan dasar negara yang memandang peranan pendidikan sebagai pelaburan yang menguntungkan, bukan sahaja kepada individu tetapi juga kepada negara.

Bahasa Inggeris yang merupakan bahasa kedua di Malaysia, telah diajar secara formal dan dimasukkan sebagai silibus pada seawal pendidikan pra sekolah lagi. Mata pelajaran bahasa Inggeris wajib diambil oleh semua pelajar dari darjah satu sehingga tingkatan lima. Bahasa Inggeris diajar bertujuan melengkapkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran bahasa Inggeris bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan juga untuk keperluan kerjaya. Dengan menguasai bahasa Inggeris pelajar juga boleh mencapai maklumat melalui Internet dan boleh membuat jaringan dengan pelajar dalam dan luar Negara untuk mendapatkan pembelajaran secara autentik.

PERMASALAHAN KAJIAN

Tahap penguasaan individu dalam sesuatu bahasa selalunya diukur dengan kebolehan mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Dalam huraian sukatan Mata Pelajaran Bahasa Inggeris, penekanan diberikan kepada keempat-empat kemahiran tersebut. Walau bagaimanapun, penilaian yang dibuat di peringkat sekolah dan peringkat kebangsaan, mendapati peratusan penilaian lebih menjurus kepada pembacaan dan penulisan.

Dua daripada empat objektif yang disenaraikan di dalam kurikulum bahasa Inggeris merangkumi:

- i. Mencapai, memproses dan menggunakan maklumat dari pelbagai sumber (audio-visual dan bahan bercetak); menyampai maklumat dalam bentuk lisan dan penulisan.

- ii. Mendengar, menilai, memberi pendapat, ide dan memberi maklum balas kepada teks bacaan, secara kreatif dan imaginatif dalam bentuk lisan dan penulisan.

Salah satu aktiviti penulisan tahap 2 yang telah disenaraikan dalam Huraian Sukatan Mata Pelajaran Bahasa Inggeris (2003) menulis surat-surat pendek kepada rakan tentang harapan, cita-cita dan sebagai. Aktiviti penulisan ini dilakukan dengan bantuan guru. Contoh tajuk penulisan adalah seperti jenis pekerjaan, jenis rumah yang diidamkan, dan cara untuk memberi khidmat kepada masyarakat setelah pelajar tamat alam persekolahan.

Bagi tahap 3 pula, pelajar sepatutnya boleh menulis surat kepada rakan (dengan sedikit atau tanpa bantuan guru) mengenai tajuk-tajuk yang diminati, sebagai contoh, cara untuk belajar secara berkesan. Untuk pembacaan pula, pelajar sepatutnya boleh membaca artikel dalam surat khabar, surat kepada editor, dan sebagainya. Di samping itu, pelajar juga boleh membincangkan isu-isu yang menarik perhatian mereka dengan menggunakan teknik mengimbas kembali ide (*recalling ideas*) dan memberi pendapat.

Huraian sukatan di atas sebagai panduan bagi guru untuk mencapai objektif yang disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Namun demikian, hakikat sebenarnya adakah objektif tersebut tercapai terutama sekali di kalangan pelajar-pelajar luar bandar?

Tujuan makalah ini adalah untuk mengenal pasti tahap literasi penulisan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar luar bandar.

KAJIAN LITERATUR

Sejarah Literasi di Malaysia

Menurut Soltow (1987), rekod terawal mengenai literasi di Malaysia bermula pada tahun 1892-94 ditemui di daerah-daerah negeri Perak menerusi tandatangan pemohon tanah kerajaan, manakala di negeri Selangor pula, bukti literasi ditemui pada tahun 1905-07. Rekod berkenaan termasuk aktiviti-aktiviti yang dirakamkan di pelabuhan dan kampung termasuk kadar barang dagangan ketika dieksport, diimport, pinjaman dan cukai terlibat. Sejak tahun 1911, pada zaman pemerintahan British, kadar literasi penduduk Melayu dicatatkan sebanyak 12%. Pada masa itu, tafsiran literasi ialah “seseorang yang boleh membaca dan menulis dalam bahasa Arab” atau bahasa Melayu dalam tulisan jawi.

Walau bagaimanapun, dari tahun 1911 hingga 1957, data menunjukkan peningkatan mendadak literasi (50%), dipercayai berkaitan dengan pencapaian di sekolah. Kadar literasi telah meningkat kepada 81% pada tahun 1987 (Soltow, 1987). Rancangan Malaysia ke-7, melaporkan kadar literasi berada di tahap 91% pada tahun 1995 dan 93% pada tahun 1996 (Perpustakaan Negara, 1996).

Definisi Literasi

Apa yang dimaksudkan dengan seseorang yang celik huruf (*literate*) adalah secara amnya berkebolehan membaca dan menulis dan memahami isi pembacaan dan penulisan tersebut. Walau bagaimanapun, definisi literasi telah berkembang kepada penggunaan dan pemahaman sesuatu bahasa secara lisan dan penulisan dan kemahiran pembacaan (Jenner 2003). Literasi kadangkala menjadi penentu seseorang yang berilmu dan berpengetahuan terutama dalam bidang kesusasteraan. Menurut Kern (2000), kebanyakan program bahasa asing bertujuan untuk memperkembangkan kompetensi pelajar dalam bidang ini. Fokus utama adalah terbahagi kepada dua: tumpuan utama adalah untuk memperkembangkan kemahiran membaca dan menulis dalam kursus pengenalan dan pertengahan, manakala untuk kursus lanjutan pula tumpuan diberi kepada aspek kesusasteraan dan kebudayaan.

Pada peringkat asas dalam kurikulum bahasa asing, literasi lebih bertumpu kepada teks (*text-centric*), dan bukannya bertumpu kepada pembaca (*reader-centric*) atau penulis (*writer-centric*). Pengajaran bahasa berfokus kepada penggunaan yang betul dan lazim (pengetahuan kepada norma tatabahasa, ejaan, penggunaan dan mekanik), dan melibatkan satu jenis penulisan (selalunya esei). Literasi pada peringkat ini menggunakan latihan yang berbentuk fungsi (*functional*) (seperti membaca iklan, laporan cuaca, papan tanda, jadual, menu atau mengisi borang dan menulis surat). Latihan lain adalah seperti membaca buku cerita, surat khabar dan majalah bertujuan untuk menambah kosa kata dan tatabahasa.

Kern (2000: 11) mengajukan satu definisi literasi yang merangkumi ilmu linguistik, kognitif dan sosiobudaya. Definisi ini bukan bertujuan merungkai semua bentuk literasi tetapi mengklasifikasikan dalam konteks akademik untuk bahasa kedua dan bahasa asing. Menurut beliau:

Literacy is the use of socially-, historically-, and culturally-situated practices of creating and interpreting meaning through texts. It entails at least a tacit awareness of the relationships between textual conventions and their contexts of use and, ideally, the ability to reflect critically on those relationships. Because it is purpose sensitive, literacy is dynamic – not static – and variable across and within discourse communities and cultures. It draws on a wide range of cognitive abilities, on knowledge of written and spoken language. On knowledge of genres, and on cultural knowledge

Sementara itu bagi UNESCO, definisi yang digunakan oleh LAMP (2004) (Literacy Assessment and Monitoring Programme) adalah seperti berikut:

Literacy is the ability to identify, understand, interpret, create, communicate and compute using printed and written materials associated with varying contexts.

Sehubungan dengan itu UNESCO telah menggariskan lima tahap literasi yang boleh dijadikan sebagai kayu pengukur iaitu:

Tahap 1 – individu dengan kemahiran yang minima hingga tidak mampu memahami arahan pada botol ubat.

Tahap 2 – individu yang boleh memahami bahan yang mudah, jelas, tidak terlalu kompleks; individu yang boleh membaca tetapi lemah apabila diberi ujian.

Tahap 3 – memiliki kemahiran sekadar membolehkan individu tersebut berinteraksi dengan dunia luar seharian. Biasanya mereka tamat pendidikan peringkat menengah dan kolej, mampu mengintegrasikan sumber maklumat yang ada dan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang kompleks.

Tahap 4 dan 5 – individu dengan keupayaan untuk bertindakbalas pada arahan-arahan peringkat tinggi dengan kemahiran memproses maklumat.

Di Malaysia, objektif literasi bahasa Inggeris meliputi komunikasi menggunakan bahasa ini dalam bentuk lisan dan penulisan untuk penggunaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Hazita 2004). Objektif yang terdapat di dalam silibus bahasa Inggeris

merangkumi kebolehan memahami wacana pertuturan di dalam pelbagai konteks di samping kebolehan membaca dan memahami teks bahasa Inggeris untuk mendapat maklumat dan untuk apresiasi nilai estetika bahasa. Literasi berbahasa Inggeris telah lama menjadi fokus dan menjadi agenda utama di dalam program-program literasi yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Program-program literasi ini adalah penting dan merupakan pemangkin bagi merapatkan jurang tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar luar bandar dan bandar. Hazita (2004), dalam kajian beliau mengenai praktis ataupun amalan literasi dalam kalangan masyarakat luar bandar mendapati ketiga-tiga kaum majoriti iaitu Melayu, Cina dan India akur akan kepentingan literasi bahasa Inggeris. Hal ini ialah salah satu penyebab utama kejayaan seseorang itu di dalam pelajaran dan kerjaya.

Menurut Gouin (dalam Kern 2000), kebanyakan pelajar yang mempelajari bahasa lazimnya mengetahui kesemua perkataan yang dibaca tetapi tidak memahami apa yang dibaca walaupun telah mempelajarinya beberapa tahun. Antara faktor yang mempengaruhi perkembangan literasi di kalangan pelajar termasuk kepercayaan, sikap dan tabiat membaca dalam kalangan ibu-bapa. Ibu-bapa yang mendedahkan anak-anak kepada budaya membaca sejak kecil mempengaruhi sikap pelajar terhadap literasi (Jenner 2003).

Sekumpulan penyelidik (August & Shanahan 2006) dari Amerika Syarikat telah menjalankan penyelidikan literasi di kalangan pelajar minoriti di negara tersebut. Mereka mendapati bahawa kebolehan membaca dan menulis dengan baik adalah satu keperluan untuk mencapai kejayaan dalam kesemua mata pelajaran di sekolah dan juga peluang untuk melanjutkan pelajaran dan peningkatan ekonomi selepas menamatkan persekolahan. Menurut August & Shanahan (2006), pelajar daripada kelompok minoriti di Amerika Syarikat yang tidak dapat membaca dan menulis dengan baik mempunyai masalah di sekolah, tempat kerja dan juga dalam masyarakat. Pelajar-pelajar ini menghadapi masalah untuk mendapat peluang pekerjaan dalam persaingan ekonomi di Amerika Syarikat. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pengajaran pembacaan yang bersifat kesedaran fonemik, fonik, kelancaran dan kosa kata serta pemahaman teks memberi manfaat kepada mereka. Dapatan kedua memberi kesimpulan tentang pengajaran di sekolah yang tidak mencukupi untuk memahirkan pelajar di dalam bidang

pembacaan dan penulisan. Kumpulan penyelidik ini juga mendapati bahawa literasi pengucapan dan literasi dalam bahasa pertama boleh digunakan untuk membantu perkembangan literasi dalam bahasa Inggeris. Seterusnya, kelainan individu menyumbang secara signifikan kepada perkembangan literasi dalam bahasa Inggeris. Dapatan yang agak menarik adalah apabila didapati sedikit sahaja kesan sosiobudaya terhadap pencapaian atau perkembangan literasi. Walau bagaimanapun, pengalaman literasi di rumah boleh membawa kesan positif terhadap pencapaian literasi pelajar. Kumpulan penyelidik ini telah menjalankan kajian tentang kesan enam faktor sosiobudaya terhadap pencapaian dan perkembangan literasi. Faktor-faktor ini adalah: status pendatang, ciri-ciri wacana/interaksi, dan pengaruh sosiobudaya lain seperti pengaruh ibu-bapa dan keluarga, polisi daerah, negeri dan persekutuan, dan status atau prestij bahasa.

Di Malaysia pula, isu literasi ini telah mendapat perhatian yang serius dan dititiberatkan sejak zaman penjajah lagi. Hal ini adalah kerana, secara umumnya, pihak kerajaan telah mengenal pasti salah satu punca kepada penghalang kepada pembangunan negara dan kebudayaan ialah kekurangan kemahiran literasi. Susulan daripada itu, pihak kerajaan telah menyarankan agar kajian literasi dijalankan untuk mengenal pasti akan punca sebenar kekurangan kemahiran literasi di kalangan rakyat Malaysia. Antaranya, kajian awalan yang telah dijalankan terhadap kepada data terkumpul untuk melihat keupayaan menulis dan membaca sahaja. Rekod data memperlihatkan kadar literasi berbeza mengikut kumpulan etnik. Tidak dapat disangkal lagi bahawa kajian tentang literasi di Malaysia belum lagi mencapai tahap yang diinginkan.

Kajian literasi di Malaysia masih lagi di peringkat awal pembangunan dan masih lagi banyak aspek yang boleh diterokai dalam konteks sosial yang berbeza. Di antara kajian yang telah dijalankan di Malaysia adalah kajian yang telah dijalankan oleh Atan Long dan rakan-rakan pada tahun 1984. Kumpulan pengkaji ini meneliti tabiat dan minat membaca rakyat Malaysia berdasarkan kepelbagaian kumpulan etnik dan bahasa yang digunakan di rumah serta di sekolah. Hasil kajian menunjukkan bahawa setiap kumpulan etnik menggemari membaca bahan bacaan di dalam bahasa masing-masing. Kebanyakan kaum Melayu membaca bahan bacaan dalam bahasa Melayu, kaum Cina membaca bahan bacaan dalam bahasa Cina dan kaum India membaca bacaan dalam bahasa Tamil,

manakala yang menariknya adalah dapatan kajian yang mendapati semua kaum membaca bahan bacaan dalam bahasa Inggeris.

Di samping kajian yang telah dijalankan oleh Atan Long dan rakan-rakan (1984), Perpustakaan Negara Malaysia juga telah menjalankan satu kajian untuk menyelidik aspek tabiat, latihan, dan permasalahan dengan bertujuan untuk menghasilkan bahan-bahan bacaan berkualiti dan membentuk strategi yang bersesuaian untuk melahirkan masyarakat berpengetahuan selaras dengan aspirasi 2020.

Satu kajian telah dijalankan oleh Ambigapathy Pandian pada tahun 2002. Kajian ini bertujuan untuk melihat tabiat pembacaan di kalangan 975 belia. Hasil kajian menunjukkan 76.2% daripada golongan belia ini enggan membaca bahan bacaan berbahasa Inggeris manakala 61.4% daripada mereka tidak menggemari bahan bacaan yang berbahasa Melayu.

SILIBUS BAHASA INGGERIS DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH RENDAH

Bahasa Inggeris diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah di Malaysia dengan berfokuskan dan berpandukan kurikulum dan silibus bahasa Inggeris yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Secara umum, objektif kurikulum adalah untuk membentuk pelajar-pelajar dari segi intelektual, emosi, spiritual dan fizikal. Bagi pelajaran bahasa Inggeris khususnya, spesifikasi kurikulum bahasa Inggeris telah digarispandukan secara umum dan adalah tanggungjawab guru untuk menginterpretasi dan mengaplikasikan kurikulum tersebut mengikut kemampuan pelajar. Objektif umum kurikulum adalah untuk membolehkan pelajar mempelajari dan mendapatkan tahap yang membolehkan mereka menggunakan bahasa itu bagi tujuan peribadi dalam membuat jalinan, dan mencapai maklumat untuk mendapat ilmu pengetahuan. Keadaan ini akan dicapai dengan melengkapkan pelajar dengan kemahiran bertutur dan pengetahuan dalam bahasa Inggeris.

Di antara objektif terperinci pengajaran bahasa Inggeris adalah untuk mendidik pelajar-pelajar mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber, dan menggunakan maklumat itu untuk pelbagai tujuan. Sebagai contoh, maklumat yang diperolehi

mbolehkan pelajar memberi maklumat dalam bentuk lisan dan penulisan, mendidik pelajar cara mendengar, membaca dan memberi pandangan mengenai bahan yang dibaca.

Secara ringkasnya, silibus bahasa Inggeris dibahagikan kepada tiga bahagian: “Learning Areas”, “Intended Learning Outcomes” dan “Resources/Techniques/Activities”. “Learning Areas” adalah skop dan kandungan pembelajaran bagi satu tahun persekolahan. “Intended Learning Outcomes” adalah tahap pembelajaran yang seharusnya pelajar capai pada akhir persekolahan tahun itu, dan dibahagikan kepada kemahiran-kemahiran berikut: pendengaran, pertuturan, pembacaan dan penulisan. “Resources/Techniques/Activities” ialah senarai sumber, teknik dan aktiviti yang boleh digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran. Ketiga-tiga bahagian ini mesti digabungkan semasa merancang dan mengatur pengajaran supaya pelajar mendapat pembelajaran yang optima.

Dalam silibus bahasa Inggeris ini, setiap “Intended Learning Outcome” dibahagikan kepada 3 tahap. Tahap 1 adalah untuk pelajar yang mempunyai kemahiran bahasa Inggeris yang paling rendah. Sebagai contoh kemahiran pembacaan. Pelajar yang lemah akan mempunyai “Intended Learning Outcome” yang lebih mudah daripada pelajar yang mempunyai tahap kemahiran berbahasa Inggeris yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pada akhir tahun persekolahan semua pelajar harus mencapai objektif silibus bahasa Inggeris yang telah ditentukan.

Silibus ini juga menyediakan senarai asas perbendaharaan kata untuk digunakan oleh guru. Senarai perbendaharaan kata ini berpandukan “Learning Areas” dan perlu diajar dalam konteks yang disenaraikan. Walau bagaimanapun, guru adalah digalakkan untuk meluaskan lagi skop senarai ini mengikut keperluan.

Dalam merancang dan mengatur pengajaran, penggabungan 4 skil pembelajaran bahasa Inggeris, iaitu pertuturan, pendengaran, penulisan dan pembacaan, dibuat mengikut bahagian kepentingan di dalam sillibus. Aspek tatabahasa pula diulang ajar beberapa kali untuk memastikan pembelajaran yang maksimum.

SILIBUS PELAJARAN BAHASA INGGERIS TINGKATAN DUA

Objektif terperinci sukatan pelajaran bahasa Inggeris Tingkatan Dua yang perlu dicapai pada akhir tahun persekolahan adalah seperti berikut:

Kemahiran	Objektif
Pendengaran & Pertuturan	Boleh berinteraksi dengan pelajar lain dengan tujuan yang Tertentu; Mampu mendengar dan mengenal pasti fakta teks bacaan yang mempunyai kaitan dengan tujuan tertentu.
Pembacaan	Mampu membaca and memahami maksud bahan bacaan daripada teks pendek, perbendaharaan kata dan isi kandungan teks.
Penulisan	Boleh melengkapkan teks berbentuk fakta dan imaginasi; Mampu membina respon dan pandangan daripada teks bacaan; Boleh menulis secara spontan menggunakan tajuk yang biasa dibincangkan; Boleh menggunakan komputer untuk membina ayat pendek.

METODOLOGI

Kajian ini telah dijalankan ke atas 304 orang pelajar luar bandar dari 3 buah sekolah di daerah Kulai, Johor. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada pelajar Tingkatan Dua yang telah dibahagikan kepada tiga kumpulan mengikut tahap kemahiran Bahasa Inggeris masing-masing. Tujuan utama membahagikan pelajar menurut kemahiran adalah untuk melihat tahap literasi penulisan bahasa Inggeris mereka. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar lelaki dan perempuan daripada tiga bangsa iaitu Melayu, Cina dan India. Keputusan UPSR untuk bahasa Inggeris mereka seperti berikut: A – 9.8%, B – 32.9%, C – 44.6%, D – 15.2% manakala E – 6.5%. Para pelajar ini kebanyakannya tidak menghadiri tuisyen bahasa Inggeris (74.7%), manakala tahap penguasaan bahasa Inggeris responden adalah seperti berikut: Sangat baik – 3.1%, Baik – 10.2%, sederhana 60.2%, Lemah – 21.4% dan Sangat lemah 5.1%. Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Inggeris kebanyakan pelajar adalah sederhana. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik untuk latar belakang pelajar yang diberikan kepada 300 orang pelajar dan penulisan yang dijawab oleh 90 orang pelajar. Masa yang diberikan untuk menyelesaikan ujian adalah satu jam setengah. Ujian penulisan dibahagikan kepada dua soalan iaitu yang pertama merupakan soalan berdasarkan pemberian pendapat dan soalan kedua merupakan soalan

naratif yang berbentuk penulisan surat. Soalan-soalan untuk ujian ini adalah menepati kriteria untuk pelajar tingkatan dua. Skrip penulisan pelajar telah disemak dan dinilai oleh seorang guru bahasa Inggeris yang berpengalaman selama lebih sepuluh tahun. Beliau juga mempunyai pengalaman dalam pemeriksaan kertas bahasa Inggeris di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR). Penilaian penulisan yang digunakan adalah skema untuk penilaian penulisan PMR.

TAHAP LITERASI PENULISAN: DAPATAN DARIPADA UJIAN

Perbincangan mengenai dapatan kajian akan dimulakan dengan dapatan kuantitatif untuk melihat tahap literasi penulisan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Penilaian penulisan yang dibuat adalah berdasarkan skema pemarkahan PMR yang dibahagikan kepada 5 tahap iaitu cemerlang (25-30), baik (19-24), sederhana (13-18), lemah (7-12) dan sangat lemah (0-6). Penilaian penulisan ini dibahagikan kepada dua soalan yang berasingan yang mempunyai fokus yang berlainan. Secara keseluruhannya, tahap penulisan pelajar-pelajar ini adalah lemah (45%). Keputusan penilaian menunjukkan tiada seorang pelajar pun mencapai tahap cemerlang.

Dapatan literasi penulisan seterusnya akan dibincangkan mengikut soalan ujian yang telah diberikan. Bagi soalan yang pertama (berbentuk pemberian pendapat) didapati bahawa pelajar berada ditahap lemah (42.2%) ke sangat lemah (43.3%). Hanya 12.2% pelajar tergolong pada tahap sederhana, manakala hanya 2.2% berada di tahap baik.

Bagi soalan yang kedua (berbentuk naratif) pencapaian pelajar adalah pada tahap yang sama iaitu dari tahap lemah (47.8%) hingga ke tahap sangat lemah (32.2%). Hanya 17.7% berada di tahap sederhana dan 2.2% berada di tahap baik.

Jadual 1 Tahap literasi penulisan

Tahap	Markah	Soalan 1 % Pelajar	Soalan 2 % Pelajar
Cemerlang	25-30	0	0
Baik	19-24	2.2	2.2
Sederhana	13-18	12.2	17.7
Lemah	7-12	42.2	47.8
Sangat Lemah	0-6	43.3	32.2

Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa pencapaian pelajar adalah lebih baik dalam menjawab soalan yang kedua. Keadaan ini dapat dilihat daripada penurunan peratusan pelajar yang berada di tahap sangat lemah dari 43.3% kepada 32.2%. Daripada keputusan ini, dapat dirumuskan bahawa pelajar-pelajar ini lebih cenderung kepada jenis penulisan yang berbentuk naratif (soalan 2) berbanding dengan yang berbentuk pemberian pendapat (soalan 1). Hal ini kerana pelajar mungkin meminati penulisan berbentuk naratif berbanding penulisan yang memerlukan mereka berfikir secara kritikal. Selain daripada itu, tahap kemahiran bahasa Inggeris juga memainkan peranan yang penting di mana pelajar memerlukan kemahiran tinggi untuk menjawab soalan berbentuk memberi pendapat.

TAHAP LITERASI PENULISAN: DAPATAN DARIPADA HASIL PENULISAN

Data kualitatif ini dianalisis daripada hasil penulisan yang diambil daripada pelajar. Secara keseluruhan, analisis hasil penulisan menunjukkan tahap literasi pelajar-pelajar dalam penulisan bahasa Inggeris adalah amat lemah. Daripada penilaian yang telah dibuat terdapat beberapa faktor kelemahan telah dapat dilihat:

i. Kosakata

- a. Pelajar-pelajar ini mempunyai kosakata yang begitu terhad bagi membolehkan mereka membina ayat dengan berkesan. Disebabkan kelemahan ini, pelajar-pelajar ini terpaksa menggunakan bahasa Melayu. Seperti contoh tulisan pelajar:

P 230 “...*the first team go to find (kayu api)...*”

P 232 “...*at the night I have “malam kebudayaan”...*”

P 240 “... *I cook telur goring and nasi. Is very taste...*”

- b. Tidak mempunyai kosakata yang baik. Keadaan ini menghindar pelajar daripada membentuk ayat dan membentangkan idea dengan berkesan. Malah penggunaan kosakata yang salah boleh memberi maksud yang salah, sebagaimana ditegaskan oleh penilai:

KPP 239: ...*but it can downing morals of all people because it can get many mistake of them...*”

“...*see green plant is very freezing...*”

KPP13: *Vocabulary is sufficiently to convey meaning. Some serious errors.*

KPP265: *Vocabulary limited with frequent serious errors.*

ii. Grammar/tatabahasa

- a. Tatabahasa yang terlalu lemah hingga boleh menyebabkan ketidaklancaran penulisan. Hal ini kerana literasi melibatkan penggunaan bahasa iaitu penguasaan sistem penulisan, pengetahuan leksikal dan tatabahasa, sebagaimana digambarkan melalui tulisan pelajar:

Pelajar 240 “ *City and country defeerent place. City is busy place and country is cool place...*”

Pelajar 241 “... *In evening, I and all my friends during activities jungles trekking...*”

Contoh komen penilai terhadap kelemahan tatabahasa dalam penulisan pelajar:

KKP28: *Inaccurate language used with serious grammatical errors.*

KKP29: *High density of errors.*

KPP32: *Language sufficiently accurate with frequent serious errors.*

KPP33: *Ability to develop some ideas, lots of grammatical errors.*

iii. Tidak mempunyai pemikiran yang kritis

Pemikiran yang kritis adalah perlu untuk mengembangkan idea, iaitu membuat intepretasi dan andaian, agar penulisan yang dihasilkan bermutu dan menepati

kehendak soalan. Pelajar-pelajar ini didapati tidak boleh mengembangkan idea kerana mereka masih lemah dalam memberi pendapat yang kritis. Keadaan ini dapat dilihat daripada komen penilai. Penilai menyatakan bahawa pelajar tidak dapat menjawab soalan dengan baik kerana mereka tidak boleh mengembangkan idea secara baik. Hal ini kerana pelajar mempunyai masalah penguasaan bahasa.

KPP10: *Ability to develop ideas but lack details*

KPP226: *Ideas less developed with inappropriate language and grammar*

KPP224: *Writing must be in logical thinking order – serious errors*

KPP241: *Lack of developing ideas. Hamper reading*

iv. **Susunan ayat dan pembinaan ayat – karangan**

Kelemahan pelajar dapat juga dilihat dari segi kebolehan mereka membina ayat. Hal ini kerana untuk menghasilkan penulisan yang berbentuk naratif (soalan 2), pelajar perlu mempunyai penguasaan kata kerja yang baik untuk mengolah idea dalam karangan. Penilai ujian ini menyatakan bahawa pelajar-pelajar ini tidak mampu membina ayat dengan baik.

KPP14: *Language barely accurate with frequent serious errors*

KPP56: *Idea is lacking organization*

KPP131: *Sentences so complicated – serious errors*

v. **Kesinambungan idea**

Komen daripada penilai menyatakan pelajar juga mempunyai kelemahan penyusunan dan kesinambungan idea dalam karangan. Hal ini dapat dilihat daripada komen berikut:

KPP48: *Task hardly fulfill. Ideas lack cohesion.*

KPP70: *Ideas lack cohesion. Language inaccurate.*

KPP73: *Ideas lack cohesion. Meaning hardly conveyed.*

KPP209: *Ideas lack developed and lack cohesion.*

KPP240: *High density of errors, ideas lack cohesion.*

vi. **Organisasi perenggan**

Untuk menghasilkan satu karangan yang baik, pelajar perlu mempunyai kemahiran menyusun organisasi perenggan supaya hasil penulisan bekesan dan menunjukkan kematangan. Daripada analisis terhadap karangan pelajar, didapati pelajar tidak mempunyai kemahiran ini. Hal ini dapat dilihat daripada komen penilai seperti contoh:

KPP23: *Ideas less developed and lacking organization*
KPP52: *Task hardly fulfill with ideas lacking organization*
KPP124: *Ideas lacking organization, language is barely accurate with frequent serious errors.*

vii. **Mekanik penulisan**

Walaupun mekanik penulisan dianggap tidak begitu penting dibandingkan dengan idea di dalam sesebuah karangan, tetapi kesilapan yang ketara akan mencatatkan kelancaran pengaliran idea. Contoh mekanik penulisan ialah noktah, koma, ejaan, dan sebagainya. Daripada ulasan penilai, didapati sebilangan besar pelajar ini mempunyai kelemahan mekanik penulisan yang amat ketara. Contoh komen penilai terhadap mekanik penulisan pelajar:

KPP15, 16, 19, 21, 30, 34: *Serious errors in mechanic of writing*
KPP128: *Ideas less develop with limited vocabulary, with lots of spelling errors.*
KPP227: *Ideas lacking organization, lots of wrong spelling.*

Perbincangan di atas menunjukkan kelemahan yang terdapat dalam hasil karangan pelajar. Jika ini dibiarkan berlarutan, pelajar akan menghadapi masalah dalam menghasilkan karangan yang baik. Usaha untuk menambah-baikkan tahap penulisan dalam kalangan pelajar ini perlu dilaksanakan khususnya oleh pihak sekolah dan pihak Kementerian Pelajaran amnya.

IMPLIKASI KEPADA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pembentangan dapatan kajian di atas menunjukkan bahawa penekanan terhadap penulisan dalam bahasa Inggeris perlu diberi tumpuan terutama kepada pelajar-pelajar di luar bandar. Hal ini kerana tahap literasi bahasa Inggeris pelajar-pelajar luar bandar adalah sangat lemah. Mereka perlu didedahkan kepada kepentingan penulisan bukan hanya untuk peperiksaan tetapi untuk meluahkan perasaan dan penulisan merupakan satu cara untuk berkomunikasi. Pendedahan terhadap penulisan perlu ditanam dan dipupuk daripada usia yang muda lagi. Penulisan juga harus dilihat sebagai satu aktiviti yang menyeronokkan dan bukannya sebagai satu bentuk peperiksaan.

Selain itu, guru perlu memperkenalkan aktiviti-aktiviti penulisan yang berbentuk kooperatif dan kolaboratif di mana aktiviti penulisan dijalankan dalam kumpulan.

Dengan melibatkan diri dengan aktiviti sebegini, pelajar akan berasa keseronokan berkongsi maklumat dalam kumpulan dan bukannya membuat tugas sendirian. Hasil penulisan berkumpulan ini adalah dalam bentuk projek atau folio.

Pendekatan yang digunakan oleh guru juga memerlukan satu anjakan daripada pendekatan tradisional kepada pendekatan berbentuk proses. Dalam pendekatan ini, proses penulisan dibahagikan kepada tiga: pra-penulisan, penulisan dan pasca penulisan. Di peringkat pra penulisan, pelajar didedahkan kepada pelbagai aktiviti untuk menjana maklumat sebelum mereka mula menulis. Dengan adanya aktiviti pra penulisan, pelajar tidak perlu risau akan ketiadaan idea untuk menulis kerana dengan bantuan guru dan rakan mereka mengumpulkan maklumat yang bersesuaian dengan topik penulisan. Di peringkat pra penulisan ini wujud pembelajaran berdaya fikir kerana berlaku interaksi antara pelajar untuk berkongsi dan mengembangkan maklumat. Di peringkat pasca penulisan pula, pelajar akan diberi masa untuk memperbaiki penulisan mereka dengan bantuan guru dan rakan.

Untuk memupuk minat terhadap penggunaan bahasa Inggeris, pelajar perlu didedahkan kepada aktiviti-aktiviti di dalam dan di luar kelas yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Inggeris. Di antara aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan ialah Kem Bahasa Inggeris, Minggu Bahasa Inggeris dan sebagainya.

Untuk melatih pelajar supaya lebih berfikir kritis, pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris perlu berganjak daripada berpusatkan kepada guru kepada berpusatkan pelajar. Pendekatan ini akan melatih pelajar supaya tidak bergantung kepada guru sebagai sumber maklumat. Pemikiran kritis adalah sangat penting dalam penulisan sesuatu topik. Pelajar perlu berupaya melontarkan pendapat mereka agar penulisan mereka lebih menarik dan bernas.

Dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan, tajuk penulisan adalah sangat penting. Untuk memastikan pelajar dapat menulis dengan baik dan penuh minat, tajuk-tajuk penulisan yang diberikan kepada pelajar perlu dipelbagaikan dan juga perlu bersesuaian dengan minat dan tahap pelajar.

Di samping itu, pelbagai genre penulisan perlu didedahkan kepada pelajar. Genre penulisan seperti naratif, deskriptif, kreatif dan sebagainya perlu diberikan kepada pelajar bersesuaian dengan tahap pencapaian bahasa Inggeris mereka.

RUMUSAN

Kajian ini menunjukkan bahawa tahap literasi penulisan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar luar bandar sangat membimbangkan dan perlu diberikan perhatian oleh semua pihak supaya jurang literasi pelajar di bandar dan luar bandar dapat dikurangkan. Salah satu cara penyelesaian masalah ini adalah dengan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar luar bandar tentang kepentingan bahasa Inggeris untuk tujuan akademik dan kerjaya. Selain itu, semua pihak perlu mengambil inisiatif untuk meningkatkan tahap literasi pelajar di luar bandar.

Rujukan

- Ambigapathy Pandian. 1993. "Readership Behaviour in a Multilingual Context: The case of Malaysian Students". Dlm. Teng Su Ching & Teoh Boon Seong (Pnyt.) *Reading in a Multilingual Context: From Theory to Practices*. Singapore Association for Applied Linguistics. Hlm. 1-9.
- Ambigapathy Pandian, 2002. What Works in the Classroom? Promoting Literacy Practices in English, *Journal of Language Teaching, Linguistics and Literature*, Vol. XI, Hlm. 15-41.
- Atan Long, Ghazali Toman, Mohd. Yunus Mohd Nor, Zainal Abidin Ahmad, Mohd Noor Abdullah & Yoong Suan. 1984. *A Survey of the Reading Habit and Interests of Malaysian People*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- August, D., & Shanahan, T. (Pnyt.) 2006. *Developing literacy in second-language learners: Report of the National Literacy Panel on Language-Minority Children and Youth*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Hazita Azman. 2004. Global English and English Literacy Education in Malaysia. Dlm. Penny Lee & Hazita Azman. *Global English and Primary Schools: Challenges for Elementary Education*. Melbourne: CAE Press.
- Jenner, J. 2003. A Bridge to Reading and Writing Literacy: Developing Oral Language Skills in Young Children. *Pacific Educator*. Februari 2003.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1997. *Silibus Mata Pelajaran Bahasa Inggeris*. Bahagian Buku Teks. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2003. Huraian Sukatan Mata Pelajaran Bahasa Inggeris Tingkatan 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kern, R. 2000. *Literacy and Language Teaching*. Oxford: OUP.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 1996. Malaysia: Frank Small and Associates.
- Soltow, E. 1987. *Literacy and Colonialism in Peninsular Malaysia from 1984 until 1957*. NY: Longman.
- Unesco. 2004. Unesco Education Sector Position Paper: *The Plurality of Literacy and Its Implications for Policies and Programmes*. Paris: UNESCO. Atas talian. <http://unesdoc.unesco.org/images/0013/001362/136246e.pdf> (14.12.2007).